

UTHM tuan rumah majlis pentauliahan Palapes

BATU PAHAT: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diberi penghormatan menjadikannya tuan rumah Majlis Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kali ke-30, Sabtu ini.

Lebih bermakna apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar yang juga Canselor UTHM berkenan mencemar duli bagi acara perasmian dan penyampaian watikah itu.

Malah, turut berkenan berangkat mencemar duli pada majlis penuh gemilang ialah isterinya, Tuanku Raja Zarith Sofia Idris Shah dan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Panglima Medan Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Seri Ahmad Hasbullah Mohd Nawawi berkata, pe-

nyampaian watikah tauliah itu dijadual disempurnakan baginda dengan penutu adat istiadat.

“Bagi program ini sejumlah 1,109 pegawai kadet Palapes daripada 14 IPTA di negara ini akan ditauliahkan dalam majlis gilang-gemilang yang akan dilaksanakan mengikut protokol dan isitadat diraja.

“Berdasarkan rekod penyertaan di kalangan pelajar IPTA, penyertaan generasi muda, khususnya golongan mahasiswa dalam Palapes adalah pelaburan masa depan negara dalam membentuk modal insan berkualifer, berdisiplin serta berhemah tinggi, sekali gus menjadi pemimpin masa depan negara,” katanya, semalam.

Hadir sama Panglima Latihan Tentera Darat, Mejjar Jeneral Datuk Abdul Rahim Mohd Yussuf dan Timbalan Naib Canselor UTHM, Prof

Dr Abdul Aziz Abdul Samad.

Terdahulu, Ahmad Hasbullah yang diiringi Abdul Rahim dan Abdul Aziz sempat meninjau raptai acara perbarisan disertai 1,109 pegawai kadet Palipes itu bagi memberi maklum balas serta memastikan perbarisan mantap dan kemas diperintontonkan di hadapan tamu diraja.

Malah, beliau turut memantau persediaan dilakukan UTHM sebagai tuan rumah bagi memastikan majlis istiadat pentauliahan itu berjalan lancar.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, 25 pegawai kadet terbaik Palipes yang dipilih bersama ibu bapa masing-masing akan dibawa ke sesi sembah kenal kepada baginda Sultan Johor sejurus sebelum istiadat Pengurniaan Watikah Tauliah berlangsung.